

**STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA DAN
PENCAPAIAN BAHASA INGGERIS
DALAM KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN EMPAT**

YONG WING CHEANG

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL**

2006



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

JUDUL : Strategi Pembelajaran Bahasa dan Pengcapaian Bahasa Inggeris Dalam kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Bahagian Keningau, Sabah.

IJAZAH : sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2003 – 2006

Saya, YONG WING CHEANG mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh


(Penulis: YONG WING CHEANG)
 Alamat Tetap:
 Peti Surat 582,
 89008 Keningau,
 SABAH.

Tarikh : 10 Julai 2006

NURULAIN BINTI ISMAIL
 LIBRARIAN
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)


(HAJI MOHD. YUSOOF ABDULLAH)

Tarikh : 13/7/2006

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN PENULIS

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**YONG WING CHEANG
PS03-006(K)-167
30 APRIL 2006**

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr. Sabariah Sharif kerana sentiasa memberi bimbingan, teguran, dan pandangan serta bantuan sepanjang penulisan ini. Rakaman terima kasih juga ingin saya tujukan kepada pensyarah-pensyarah Sekolah Pembangunan Pendidikan dan Sosial yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Zulkifli Mohammed kerana telah mencerahkan pelbagai ilmu sehingga terhasilnya penulisan ini.

Penghargaan dan terima kasih juga ingin saya rakamkan kepada Pegawai Pendidikan Gabungan Keningau, pengetua-pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah Bahagian Keningau kerana telah memberikan kerjasama sehingga kajian ini dapat diselesaikan. Terima kasih juga ingin saya panjangkan kepada isteri tersayang, ahli keluarga dan rakan-rakan atas bantuan, dorongan, nasihat dan galakan yang diberikan.

Akhir kata, semoga kajian ini akan memberikan manfaat kepada semua pihak yang terlibat di dalam bidang pendidikan. Sekian.



ABSTRAK

STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA DAN PENCAPAIAN BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT

Kajian ini adalah sebuah kajian tinjauan yang bertujuan mengenalpasti strategi-strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar Tingkatan Empat. Kajian ini juga cuba melihat hubungan tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan pencapaian Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat. Di samping itu, Kajian ini juga ingin melihat perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa secara umum mengikut jantina dan juga jenis sekolah iaitu di antara pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah (SM) Saint. Seramai 180 sampel yang terdiri daripada 90 pelajar Tingkatan Empat dari SMK dan juga 90 pelajar Tingkatan Empat dari SM. Instrumen utama kajian ini adalah menggunakan soal selidik yang telah diadaptasi dari *Strategy Inventory for Language Learning (SILL)* versi 7.0 (Oxford,1990) dan juga *Self-Report Strategy Questionnaire* (Mohammed Amin,1996). Data pencapaian Bahasa Inggeris pelajar adalah diperolehi dari tiga penilaian Bahasa Inggeris iaitu pencapaian Bahasa Inggeris dalam PMR 2005, ujian bulan Bahasa Inggeris bagi bulan Januari dan Februari 2006. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu min, kekerapan, peratus dan sisihan piawai bagi menerangkan pola jantina, pencapaian, jenis sekolah dan penggunaan strategi pembelajaran bahasa. Strategi pembelajaran kategori metakognitif didapati menjadi strategi yang paling tinggi digunakan pelajar untuk mempelajari Bahasa Inggeris. Bagi melihat perbezaan dan hubungan di antara pembolehubah, ujian-t dan Khi kuasa dua digunakan. Hasil kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar daripada SMK dan SM dari segi kekerapan menggunakan strategi pembelajaran bahasa. Namun begitu, hasil analisis telah mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam menggunakan strategi pembelajaran Bahasa Inggeris. Hasil kajian ini mendapati wujud hubungan yang signifikan di antara tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan pencapaian Bahasa Inggeris pelajar.



ABSTRACT

LANGUAGE LEARNING STRATEGIES AND ENGLISH ACHIEVEMENT AMONG THE FORM FOUR STUDENT

This is a cross-sectional study that attempted to identify the types of language learning strategies employed by Form Four students. This study also tried to explicate the relationship between language learning strategy with the English achievement of Form Four students. Besides, this study also aimed to investigate the differences between the male dan female student when they employed with the language learning strategy. This study also tried to identify the differences, in term of employed language learning strategies among the students of SMK and SM Saint schools. The subjects comprised of 180 Form Four students from three SMK (Government fully-funded secondary school) and three Saint's secondary schools (SM) from Keningau, Tenom and Tambunan Districts. The subjects of this study were selected through the simple-random technique. Researcher collected data using a designed questionnaire which is adapted from Strategy Inventory for Language Learning (SILL) version 7.0 (Oxford, 1990) and the Self- Report Strategy Questionnaire (Mohammed Amin, 1996). The t-test is used to determine the differences between language learning strategies use with the gender and between the students from SMK and SM respectively. Chi-square statistic test is applied to examine the relationship between language learning strategy use and English achievement. (significant Level $p < 0.01$). Language learning strategies from the metacognitive is identified as the highest strategy employed the Form Four students. The results indicate a significant positive relationship between language learning strategies use with students' English achievement. Statistical analysis of result indicated that there is no significant differences between the students of SMK and SM Saint schools in using the Language learning strategies. However, this study found that there is a significant difference between the male and female students in term of using the language learning strategies.



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Ringkasan taburan item soalan Soal selidik	42
3.2 Kesahan dan kebolehpercayaan	45
3.3 Ringkasan Analisis Data	48
4.1 Analisis Latar Belakang responden mengikut Jantina	51
4.2 Analisis Latar Belakang responden mengikut Jenis Sekolah	51
4.3 Analisis Min Pencapaian Bahasa Inggeris Responden	52
4.4 Analisis Deskritif keseluruhan strategi pembelajaran bahasa	54
4.5 Min Penggunaan Strategi Pembelajaran Secara Umum	56
4.6 Min Penggunaan Strategi Pembelajaran Secara Khusus	57
4.7 Analisi Lima Kemahiran paling tinggi dan Lima Kemahiran Paling Kurang digunakan Responden	58
4.8 Perbandingan Penggunaan Strategi dengan Jantina	59
4.9 Ujian-t di antara Penggunaan Strategi dengan Jantina	60
4.10 Perbandingan Penggunaan Strategi dengan Jenis Sekolah	60
4.11 Ujian-t di antara Penggunaan Strategi dengan Jenis sekolah	61
4.12 Ujian-t sample bebas	62
4.13 Hubungan tahap penggunaan Strategi Pembelajaran bahasa Secara Umum DenganPencapaianBahasaInggeris	63
4.14 Rumusan pengujian Hipotesis Nol	65



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
2.1 Hubungan di antara Strategi-strategi pembelajaran Bahasa	16
2.2 Strategi Pembelajaran Memori	17
2.3 Strategi Pembelajaran Kognitif	18
2.4 Strategi Pembelajaran Kompensasi	19
2.5 Strategi Pembelajaran Metakognitif	21
2.6 Strategi Pembelajaran Afektif	22
2.7 Strategi Pembelajaran Sosial	23
2.8 Model Pembelajaran Bahasa Kedua Bialystok	26
2.9 Model pembelajaran Bahasa Inggeris SMART	28
2.10 Model latihan Pembentukan Strategi Pembelajaran	29
2.11 Kerangka Konsepsual Kajian	35
3.1 Teknik Persampelan	40



SENARAI SIMBOL, TANDA DAN SINGKATAN

UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SM	Sekolah Menengah Saint
BI	Bahasa Inggeris
ESL	English As Second Language
EFL	English As Foreign Language
N	Jumlah Subjek Kajian
r	Nilai Pekali r
p.	Nilai p
x²	Khi Kuasa Dua



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI SIMBOL, TANDA DAN SINGKATAN	viii

BAB SATU : PENGENALAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Soalan Kajian	5
1.4 Tujuan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Signifikan Kajian	7
1.7 Hipotesis	7
1.8 Definisi operasional	8
1.8.1 Tahap	8
1.8.2 Strategi Pembelajaran	9
1.8.3 Pencapaian Bahasa Inggeris	10
1.8.4 Sekolah menengah Kebangsaan	11
1.8.5 Sekolah Menengah Saint	11
1.9 Batasan Kajian	11
1.9.1 Batasan Kawasan Kajian	12
1.9.2 Batasan Subjek	12
1.9.3 Batasan Masa	12
1.10 Kesimpulan	12

BAB DUA: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Definisi Konsepsual	14
	2.2.1 Strategi Pembelajaran	14
	2.2.2 Strategi Persediaan peperiksaan	23
	2.2.3 Pencapaian Bahasa Inggeris	24
2.3	Teori	25
	2.3.1 teori kognitif	25
	2.3.2 Model Pembelajaran Bahasa	25
	2.3.3 Model Pembelajaran BI SMART	27
	2.3.4 Model Latihan Membentuk Strategi Oxford	28
2.4	Kajian-Kajian Lepas Yang Berkaitan	30
	2.4.1 Hubungan jantina dengan strategi pembelajaran	30
	2.4.2 Hubungan Strategi Pembelajaran bahasa Dengan Persekutuan	32
	2.4.2 Kajian Strategi Pembelajaran dengan Pencapaian Bahasa Inggeris	32
2.5	Kerangka Konsepsual kajian	34
2.6	kesimpulan	35

BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka Bentuk kajian	37
3.3	Lokasi Kajian	38
3.4	Populasi dan Subjek Kajian	39
3.5	Persampelan	39
3.6	Instrumen kajian	40
3.7	Kesahan dan kebolehpercayaan	43
3.8	Kajian Rintis	44



3.9	Prosedur kajian	45
3.10	Analisis Data	46
	3.10.1 Analisis latar Belakang Responden	46
	3.10.2 Analisis Deskriptif Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa	46
	3.10.3 Analisis Inferensi melihat Perbezaan	46
	3.10.4 Analisis Inferensi Melihat Hubungan	48
3.11	Kesimpulan	49

BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	50
4.2	Analisis Latar Belakang Responden	50
	4.2.1 Jantina	50
	4.2.2 Jenis Sekolah	51
	4.2.3 Tahap Pencapaian Bahasa Inggeris	52
	4.2.4 Analisis Tahap Penggunaan Strategi pembelajaran bahasa	53
	4.2.5 Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa	58
4.3	Pengujian Hipotesis	59
4.4	Rumusan	64

BAB LIMA : PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	66
5.2	Ringkasan Kajian	66
5.3	Perbincangan Dapatan kajian	67
	5.3.1 Tahap Penggunaan Strategi pembelajaran bahasa	68
	5.3.2 Perbezaan Penggunaan Strategi pembelajaran Bahasa Secara Umum Mengikut Jantina	69
	5.3.3 Perbezaan Penggunaan Strategi pembelajaran Bahasa Secara Umum Mengikut Jenis sekolah	71
	5.3.4 Hubungan Penggunaan Strategi pembelajaran Pencapaian Bahasa Inggeris	72



5.4	Implikasi Dapatan Kajian	74
5.5	Cadangan Untuk Kajian akan datang	76
5.6	Kesimpulan	77

RUJUKAN

LAMPIRAN:

- A. Borang Soal Selidik
- B. Contoh Soalan Bahasa Inggeris PMR
- C. Contoh Soalan Ujian Bulanan BI



BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Teori pembelajaran kognitif menekankan bahawa pembelajaran bahasa sebagai satu proses yang dinamik, kreatif dan melihat pelajar sebagai pengguna strategi dan pembinaan pengetahuan yang aktif. Sejak dari pengenalan Teori Pembelajaran Kognitif ini, pengkaji bahasa mula mengalihkan penumpuan kajian terhadap pembelajaran bahasa daripada hanya mengkaji kaedah pengajaran semata-mata kepada mengkaji faktor diri pelajar itu sendiri. Ciri-ciri pelajar dilihat sebagai penyumbang kepada faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran bahasa seseorang pelajar. Kajian terhadap strategi pembelajaran bahasa mula menjadi salah satu isu penting dalam kajian terhadap pembelajaran bahasa pelajar-pelajar khasnya pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (McDonough, 1995).

Kajian terhadap strategi pembelajaran telah diusahakan oleh Rubin (1975) yang mana beliau telah mengandaikan bahawa terdapat penggunaan strategi tertentu yang mungkin boleh membezakan pelajar yang berjaya dan kurang berjaya dalam pembelajaran bahasa kedua (SLL) seseorang itu (Rubin dan Wenden, 1987). Pengkajian terhadap strategi pembelajaran bahasa kemudiannya dibincangkan dan dikembangkan dengan lebih meluas lagi serta komprehensif oleh Oxford (1990). Instrumen utama bagi Oxford (1990) bagi mengumpul data tentang penggunaan strategi pembelajaran bahasa oleh pelajar adalah menggunakan soal selidik atau inventori. Oxford (1990) telah memperkenalkan beberapa versi inventori strategi pembelajaran bahasa untuk penutur asli Bahasa Inggeris dan versi untuk penutur bukan Bahasa Inggeris.



1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian terhadap pembelajaran bahasa merupakan sebahagian dari kajian psikologi manusia. Pengkajian terhadap bahasa pula boleh dibahagikan kepada pembelajaran bahasa pertama (first language) dan pembelajaran bahasa kedua (second language). Teori mengenai bagaimana pelajar mempelajari bahasa pertama agak mudah difahami menerusi teori perkembangan bahasa. Namun teori tentang pemerolehan bahasa kedua agak rumit dan boleh dilihat dari beberapa perspektif seperti sosialinguistik, pendidikan, neurolinguistik, psikolinguistik, dan linguistik (Gass dan Schachter, 1997).

Semua pendekatan mengkaji bahasa kedua ini mempunyai fokus tujuan, kaedah dan analisis yang berbeza-beza. Dalam kajian ini, Bahasa Inggeris yang dipelajari di sekolah di Malaysia adalah berstatus sebagai bahasa kedua (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua akan dilihat dari sudut pendidikan di Malaysia. Pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Inggeris dilihat atau dinilai berdasarkan pencapaian peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM.

1.2 Pernyataan Masalah

Setiap kali sesuatu keputusan peperiksaan awam seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) diumumkan, maka orang ramai terutama ibu bapa mula menilai keberkesanan pengajaran guru terhadap sesuatu mata pelajaran berdasarkan pencapaian pelajar-pelajar. Keputusan merosot sesuatu mata pelajaran akan dikaitkan dengan kegagalan pengajaran guru. Berlaku juga fenomena membandingkan pencapaian Bahasa Inggeris di antara sekolah terutama sekali di

antara sekolah menengah kebangsaan (SMK) dan sekolah menengah jenis Saint (SM).

Fenomena ini akan terus menghantui setiap guru, lebih-lebih lagi guru yang mengajar mata pelajaran teras yang kritikal seperti Bahasa Inggeris. Kegagalan pelajar banyak ditumpukan kepada faktor pengajaran guru dan jarang sekali dikaitkan dengan faktor pembelajaran pelajar secara individu. Mengikut teori behaviourisme, pengajaran guru tidak berpindah terus kepada pelajar sebagai output. Pelajar perlu membina pengetahuan menerusi satu proses mental yang tertentu (Nunan,2002). Oleh itu, sebenarnya terdapat banyak faktor yang boleh menyumbang kepada kelemahan pelajar dalam Bahasa Inggeris seperti strategi pembelajaran (Klein,1995).

Beberapa kajian terdahulu menunjukkan pelajar yang menggunakan pelbagai strategi dengan kekerapan yang tinggi lebih cenderung memperolehi pencapaian Bahasa Inggeris yang lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar yang kurang menggunakan strategi pembelajaran bahasa yang sesuai (Green dan Oxford,1995).

Keputusan pencapaian Bahasa Inggeris di peringkat PMR dan SPM biasanya menunjukkan pencapaian yang lebih baik dalam kalangan pelajar di bandar berbanding di luar bandar. Keadaan ini biasanya dapat diterima umum sebagai fenomena biasa berdasarkan jurang perbezaan kemudahan fizikal dan infrastruktur. Namun dalam kalangan pelajar yang berada di luar bandar yang menggunakan kemudahan dan infrastruktur yang hampir sama turut menunjukkan perbezaan dalam pencapaian Bahasa Inggeris. Hakikatnya terdapat juga pelajar luar bandar yang memperolehi keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Inggeris. Di samping itu, pencapaian Bahasa Inggeris di antara sekolah menengah yang berada di dalam persekitaran yang hampir serupa turut berbeza terutama sekali di antara Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah (SM) terutama sekolah

Saint. Perbandingan secara kasar pengkaji dari dua buah sekolah menengah (SMK dan SM) mendapati bilangan pelajar yang mendapat gred A bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris pada PMR 2005 menunjukkan sekolah menengah (SM) Saint mengatasi SMK di Daerah Keningau. Data menunjukkan 7 pelajar SMK dan 17 pelajar SM (Saint) mendapat gred A dalam Bahasa Inggeris bagi PMR 2005. Daripada data yang sama juga didapati pelajar perempuan lebih ramai mendapat gred A berbanding pelajar lelaki iaitu 16 pelajar perempuan dan 8 pelajar lelaki (Sumber daripada Setiausaha PMR sekolah masing-masing).

Dalam kebanyakan mesyuarat post mortem yang dijalankan terhadap pencapaian sesuatu peperiksaan awam di sekolah, faktor kelemahan pelajar sering menjadi salah satu faktor yang popular yang diperkatakan menyumbang kepada pencapaian peperiksaan pelajar (sumber daripada Ketua Panitia Bahasa Inggeris dari salah sebuah SMK di Keningau). Pelajar-pelajar yang memperolehi kecemerlangan di dalam peperiksaan awam sering melaporkan mereka berusaha dengan pelbagai usaha dan cara untuk membuat persediaan menghadapi peperiksaan (Muhd. Yusuf et al., 2005; Jennie, 2005). Pendek kata faktor pembelajaran pelajar menjadi salah satu elemen yang penting di dalam membincangkan pencapaian pelajar.

Namun usaha untuk mengkaji penggunaan strategi pembelajaran untuk mempelajari Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia masih terlalu sedikit (Mohamed Amin, Juriah dan Mohd. Isa, 2001). Dengan demikian, pengkaji berpendapat adalah penting untuk memahami dan mengkaji faktor pelajar dalam pembelajaran Bahasa Inggeris khasnya melihat mengenalpasti strategi-strategi pembelajaran yang digunakan pelajar dalam mempelajari Bahasa Inggeris.

1.3 Soalan Kajian

Berdasarkan pernyataan-pernyataan masalah di atas maka pemahaman terhadap strategi pembelajaran amat perlu difahami. Dengan demikian, kajian ini ingin mengkaji beberapa soalan utama kajian seperti di bawah:

1. Apakah strategi pembelajaran Bahasa Inggeris secara umum dan secara khusus dalam kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 4 di Bahagian Keningau?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Inggeris mengikut jantina?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kekerapan menggunakan strategi pembelajaran bahasa di kalangan pelajar dari Sekolah menengah kebangsaan (SMK) dan sekolah menengah (SM) Saint?
4. Apakah terdapat hubungan yang signifikan di antara Tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa secara umum dengan tahap pencapaian Bahasa Inggeris pelajar tingkatan 4 ?

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini mempunyai tujuan yang murni. Kajian ini bukan bertujuan mencari masalah atau kelemahan pelajar atau guru dari mana-mana sekolah menengah yang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini juga tidak bertujuan membuat perbandingan dari segi kebaikan atau kelemahan di antara Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dengan Sekolah Menengah (SM) Saint. Tujuan kajian adalah bagi mengenalpasti strategi-strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar-pelajar Tingkatan 4 secara umum di Bahagian Keningau. Di samping itu, kajian ini juga ingin melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 mengikut jantina dan juga mengikut jenis sekolah iaitu pelajar daripada Sekolah

Menengah Kebangsaan (SMK) dengan pelajar Sekolah Menengah (SM) Saint. Kajian ini juga cuba melihat sama ada wujud hubungan yang signifikan di antara Tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa dengan tahap pencapaian Bahasa Inggeris pelajar Tingkatan 4.

1.5

Objektif Kajian

Tujuan kajian adalah bagi melihat penggunaan strategi pembelajaran bahasa secara umum dan khusus serta hubungan strategi pembelajaran dengan pencapaian Bahasa Inggeris. Oleh itu, objektif kajian ini secara khusus adalah seperti pernyataan di bawah:

- i. Mengenalpasti jenis serta tahap penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di Bahagian Keningau.
- ii. Melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Inggeris secara umum dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan Tingkatan 4 di Bahagian Keningau.
- iii. Melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi Kekerapan penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Inggeris secara umum di antara pelajar Tingkatan 4 daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah (SM).
- iv. Melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa secara umum dengan tahap pencapaian Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di Bahagian Keningau.

1.6 Signifikan Kajian

Kajian ini boleh memanfaatkan guru untuk mengetahui dengan lebih jelas tentang perbezaan strategi pembelajaran Bahasa Inggeris , tahap penggunaan dan jenis strategi yang digunakan oleh pelajar tingkatan 4 lelaki dan perempuan. Di samping itu, kajian ini juga boleh menjadi suatu petunjuk yang berguna kepada guru untuk memahami proses dan pendekatan atau bagaimana pelajar menghadapi situasi belajar, merancang, memilih strategi, memahami dan mengingati sesuatu input baru yang dipelajari oleh pelajar di dalam kelas (Ellis dan Sinclair, 1989).

Dengan kefahaman sedemikian, guru bahasa Inggeris akan lebih peka dengan perbezaan pelajar dari segi penggunaan strategi pembelajaran. Di samping itu, guru boleh membimbing pelajar meningkatkan penggunaan strategi yang bersesuaian bagi meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris pelajar. Pelajar pula memperolehi satu kesedaran tentang terdapatnya strategi pembelajaran bahasa yang berbagai-bagai di samping mengenalpasti kategori strategi pembelajaran yang mereka telah praktikkan selama ini (Riley,L. D. dan Harsh,1999)

1.7 Hipotesis

Kajian ini menggunakan hipotesis-hipotesis nol bagi menjawab soalan-soalan kajian. Menurut Sidek (2002) dalam pengujian hipotesis dan interpretasi, hipotesis nol selalu dijadikan sandaran atau pun dasar kajian.

Hipotesis Nol 1 :

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa secara umum dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan.



Hipotesis Nol 2 :

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara strategi pembelajaran bahasa secara umum dalam kalangan pelajar daripada SMK dan SM.

Hipotesis Nol 3 :

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa secara umum dengan tahap pencapaian Bahasa Inggeris pelajar.

1.8 Definisi Operasional

Beberapa konsep yang digunakan di dalam kajian ini perlu dijelaskan secara operasional. Pertama konsep tahap, strategi pembelajaran bahasa, pencapaian Bahasa Inggeris, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah (SM).

1.8.1 Tahap

Tahap di dalam kajian ini melibatkan dua pembolehubah iaitu tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa dan tahap pencapaian Bahasa Inggeris. Dua pembolehubah tersebut dinyatakan sedemikian bagi melihat hubungan menerusi ujian khi kuasa dua. Tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa dinyatakan dalam dua kategori iaitu "tahap penggunaan tinggi" dan "tahap penggunaan rendah".

Tahap pencapaian Bahasa Inggeris pula dinyatakan dalam tiga kategori iaitu pencapaian rendah, sederhana, dan tinggi. Penentuan tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa dan tahap pencapaian Bahasa Inggeris dijelaskan dalam bahagian definisi strategi pembelajaran bahasa dan definisi pencapaian Bahasa Inggeris di bawah.



1.8.2 Strategi Pembelajaran Bahasa

Strategi pembelajaran bahasa bermaksud teknik yang digunakan oleh pelajar bagi menguasai Bahasa Inggeris. Strategi pembelajaran yang dimuatkan di dalam kajian ini adalah strategi pembelajaran bahasa yang dipetik dari *Strategy Inventory for language learning (SILL)* versi bagi pelajar yang belajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (ESL) yang dihasilkan Oxford (1990) dan strategi persediaan peperiksaan diadaptasikan dari *Self-Report Strategy Questionnaire* (Mohamed Amin, 1996).

Strategi pembelajaran bahasa di dalam kajian ini bermaksud strategi pembelajaran untuk Bahasa Inggeris. Strategi pembelajaran bahasa secara umum adalah kemahiran-kemahiran belajar bahasa seperti yang tersenarai dalam item-item soal selidik (item 1 hingga item 60). Kemahiran-kemahiran belajar tersebut boleh dikategorikan dengan lebih khusus lagi sebagai kategori Memori (item 1 – 9), Kognitif (10-23), Kompenasi (24-29), Metakognitif (30-38), Afektif (39-44), Sosial (45-50), dan Persediaan Peperiksaan (51-60) untuk tujuan mengenalpasti jenis strategi yang digunakan oleh pelajar-pelajar Tingkatan 4.

Di peringkat penganalisaan deskriptif, min bagi kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa digunakan bagi mengenalpasti jenis penggunaan strategi pembelajaran bahasa secara umum dan secara khusus mengikut kategori oleh pelajar Tingkatan Empat. Pada peringkat analisis inferensi untuk menilai hubungan, strategi pembelajaran bahasa dinilai berdasarkan kategori. Tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa secara umum dikategorikan sebagai "Tinggi" dan "Rendah". Tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa ditentukan menerusi min. Min penggunaan strategi pembelajaran bahasa di antara 1.00 hingga 2.69 dikategorikan sebagai "penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang

rendah" dan min di antara 2.70 hingga 4.00 dikategorikan sebagai "penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang rendah".

1.8.3 Pencapaian Bahasa Inggeris

Pencapaian Bahasa Inggeris responen adalah diperolehi daripada tiga penilaian atau ujian Bahasa Inggeris. Penilaian Bahasa Inggeris adalah diperolehi dari pencapaian Peperiksaan awam, Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang diperolehi subjek pada tahun 2005 yang baru lalu serta dua ujian bulanan Bahasa Inggeris untuk Tingkatan 4 bagi Januari dan Februari. Pencapaian Bahasa Inggeris PMR adalah meliputi pencapaian pelajar dalam peperiksaan kefahaman,bertulis dan Ujian Lisan Bersasaskan Sekolah (ULBS) Tingkatan 3.

Pencapaian Bahasa Inggeris dari ujian bulanan hanya melibatkan pencapaian ujian bertulis sahaja. Keputusan pencapaian Bahasa Inggeris bagi PMR 2005 dinyatakan dalam bentuk gred dan pencapaian ujian bulanan bagi Januari dan Februari 2006 dinyatakan sama ada dalam bentuk markah atau gred atau kedua-duanya. Dalam kajian ini, Pencapaian pelajar kemudian di beri nilai dengan angka 1 hingga 5. pelajar yang memperolehi gred A (80-100 markah) diberi nilai 5, gred B (60-79 markah) diberi nilai 4, gred C (50-59 markah) dengan nilai angka 3, gred D (40-49 markah) diberi niali 2 dan nilai 1 bagi gred E (0-39).

Min pencapaian bagi ketiga-tiga penilaian ini digunakan bagi menentukan tiga tahap pencapaian Bahasa Inggeris. Min 1.00 hingga 2.00 dikategorikan sebagai "tahap pencapaian rendah" dan min di antara 2.01 hingga 4.4.9 dikategorikan sebagai "tahap pencapaian sederhana" dan min di antara 4.50 hingga 5.00 dikategorikan sebagai "tahap pencapaian tinggi".

1.8.4 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) adalah bermaksud sekolah menengah kebangsaan harian yang mendapat pembiayaan penuh kerajaan. Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Pelajaran membantu sepenuhnya dari segi kewangan untuk pengurusan dan pentadbiran sekolah.

1.8.5 Sekolah Menengah (SM)

Sekolah Menengah (SM) bermaksud sekolah menengah yang mendapat hanya sebahagian pembiayaan kos pengurusan dan pentadbiran sekolah . Dalam kajian ini, SM merujuk kepada Sekolah Menengah Saint. Sekolah menengah Saint adalah sekolah yang pada asasnya didirikan oleh mualigh-mualigh Kristian di zaman awal Kemerdekaan. Sekolah menengah jenis Saint masih diteruskan selepas kemerdekaan dengan kurikulumnya telah diseragamkan mengikut kurikulum pendidikan kebangsaan. Namun pengurusan sekolah masih mempunyai sedikit campurtangan pihak pengurusan agama kristian. Namun urusan gaji dan perjawatan guru-guru di SM adalah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.9 Batasan Kajian

Seperti kajian-kajian lain, kajian ini juga menghadapi beberapa masalah yang menjadi batasan kajian. Di antara batasan kajian adalah seperti batasan kawasan, batasan subjek dan batasan masa.

RUJUKAN

- Bedell, D. dan Oxford, R., 1996. Cross-cultural Comparisons of Language Learning Strategies In the People's Republic of China and Other Countries. Dalam R. Oxford, ed. *Language Learning Strategies around the World: Cross-Cultural Perspectives*. Honolulu: Universiy of Hawaii: Second Language Teaching and Curriculum Center, 35-60
- Bialystok, E. 1978. A Theoretical Model of Second Language Learning. *Learning Language*. 28: 69-83
- Celce-Murcia, M. 2001. *Teaching English as second Language*. USA: Heinle & Heinle.
- Creswell, J. W. 2005. *Educational research : Planning Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Ohio : Pearson Merrill Prentice Hall.
- Ellis,R. 1994. *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. 2001. *Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press
- Ellis, R. 2003. *The Study of Second Language Acquisition*. New York: Oxford University Press
- Ellis, G. dan Sinclair, B. 1989. *Learning to Learn English : A Course in Learner Training*. Glasgow : Cambridge University Press.
- Gass, S. M. dan Schachter, J. 1997. *Linguistic perspectives on Second Language Acquisition*. USA : Cambridge University Press.
- George, D. dan Mallory, P. 2004. *SPSS For Windows 12.0*. USA: Pearson Education Inc.
- Green, J. dan Oxford, R. L. 1995. A close look at learning strategies, L2 profeciency, and gender. *TESOL Quarterly*. 29: 261-295
- Halbach,A. 2000. *Finding Out about Students' Learning Strategies by looking at Their Dianaries: A Case Study*. System 28(1),85-96
- Jennie Laijun. 2005. Juggling Fun For Exam Success. *New Sabah Times*, 23 Disember : 3
- Kaylani, C. 1996. The Influence of Gender and Motivation on EFL Learning Strategy Use in Jordan. Dalam R. Oxford, ed. *Language Learning Strategies around the World : Cross-Cultural Perspectives*. Honolulu: Universiy of Hawaii: Second Language Teaching and Curriculum Center

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Huraian Sukatan Pelajaran KBSM Bahasa Inggeris Tingkatan 4*. Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum.

Klein, W. 1995. *Second Language Acquisition*. United Kingdom : Cambridge University Press.

Lefrancois, G. R. 1997. *Psychology for Teaching*. USA: Wadsworth Publishing Company

Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2005. *Format Pentaksiran Bahasa Inggeris*. Shah Alam: Malindo Printer Sdn. Bhd.

Lessard-Clouston, M. 1997. *Language Learning Strategies : An Overview for L2 Teachers*. (atas talian) <http://www.aitech.ac.jp/~iteslj/article/lessard-Clouston-Strategies.html>. Dicetak 26 Februari 2006.

Littlewood, W. 2001. *Foreign and Second Language Learning*. United Kingdom: Cambridge University Press.

Longman. 2003. *Longman Dictionary of contemporary English*. Edinburgh : Pearson Education Limited.

McDonough, S. H. 1995. *Strategies and Skills in Learning a Foreign Language*. London : Edward Arnold.

Mohamed Amin Embi. 1997. *SMART English Learning : What Malaysian Teachers Should Know*. Siber Didek. 1: 7-9

Mohamed Amin Embi, Juriah Long dan Mohd. Isa Hamzah. 2001. *Language learning Strategies Employed by secondary School Students in Malaysia*. *Jurnal Pendidikan*. 26 : 3-20

Mohd. Majid Koting Ph. D. 2000. *Kaedah Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhs. Yusuf Abu Bakar dan et al. 2005. Keputusan PMR. *Berita Harian*, 23 Disember: 4-7

Nunan, D. 1999. *Second Language Teaching and Learning*. Boston : Heinle & Heinle

Nunan, D. 2002. *Second Language Acquisition*. Dalam Ronald Carter dan David Nunan (ed.) *Teaching English To Speakers of Other Languages*. Cambridge: Cambridge University Press. 87-92.

O' Malley, J. M. dan Chamot, A. U. 1990. *Learning Strategies in Second Language Acquisition*. Cambridge : Cambridge University Press.

Ok, L. K.,2003. *The Relationship of School Year, Sex and Proficiency on the use of Learning Strategies in Learning English of Korean Junior High School Students*. Atas Talian. Asian-EFL-Journal (atas talian) <http://www.asian-efl-journal.com/sept 03 ind.html>. Dicetak 25 Februari 2006.



- Oxford, R. L. 1990. *Language Learning Strategies : What Every Teachers Should Know*. Boston : Heinle & Heinle Publishers.
- Oxford, R.L.,1996. *Language Learning Strategies around the World : Cross-Cultural Perspectives*. Manoa, Hawaii: Universiy of Hawaii's Press.
- Oxford, R. L. dan Nyikos, M.,1989. Variables Affecting Choice of Language Learning Strategies by University Students. *The Modern Language Journal*, 73,291-300
- Oxford, R. L., Lavine, R. Z., Felkins, G., Hollaway, M. E., dan Salleh, A., (1996). Testing Their Stories: Language Students use Diaries and Recollection. Dalam Oxford, R.,1996. *Language Learning Strategies around the World : Cross-Cultural Perspectives*. Honolulu: Universiy of Hawaii: Second Language Teaching and Curriculum Center. 9-34
- Oxford, R. L. 2002. *Language Learning Strategies*. Ronald Carter dan David Nunan (ed.) *Teaching English To Speakers of Other Languages*. Cambridge: Cambridge University Press. 166-172.
- Riley, L. D. dan Harsch Kenton.1999. Enhancing the Learning experience with Strategy Journals: Supporting the Diverse Learning Styles of ESL/EFL Students. *HERDSA Annual International Conference*, Melbourne. 1-18
- Rubin, J. dan Wenden, A. 1987. *Leamer strategies in Language Learning*. New Jersey : Prentice- Hall
- Shannon, F. A. 2005. A Pilot study on Taiwanese University EFL Students' Use of Learning Strategies. *Hwa kang Journal of TEFL*. May 2005. (atas talian) <http://www.hkjtefl.org/2005-Shannon-strategies.html>. Dicetak 26 Februari 2006.
- Sidek Mohd. Noah, 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan*. Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Sulaiman Masri. 1996. *Pelajar Cemerlang*. Kuala lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Wafa Abu Shmais. 2003. Language Learning Strategy Use in Palestine. *TESL-EJ7(2)*,A-3.
- Yu, L., 2003. Learning Strategies and Their Relationship to Listening Comprehension-A Report on Non-English major in Medical university in China. *Teaching English in China*,26(4),3-11.
- Zaidatun Tasir dan Mohd. Salleh Abu.2003. *Analisis data Berkomputer SPSS 12.0 for Windows*. Kuala Lumpur. Venton Publishing

